

# PERMAPS UMS adakan program OutReach 4.0 bangun komuniti desa

UB 18/12/19 4

Oleh Abd Naddin Hj Shaiddin

**SAPULUT:** Persatuan Mahasiswa Fakulti Psikologi dan Pendidikan (PERMAPS) berjaya menjalankan program OutReach 4.0 bertempat di kampung Salarom Taka, Mukin Sapulut. Seramai 30 mahasiswa Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP) terdiri daripada pelbagai program pengajian mengambil bahagian sebagai sukarelawan dalam menjayakan program ini.

Walaupun terpaksa menempuh perjalanan sejauh 260km dengan tempoh 6 jam, ia tidak mematahkan semangat mahasiswa untuk menjalankan program kemasyarakatan ini sepanjang tiga hari dua malam.


Antara aspirasi yang ingin dicapai oleh PERMAPS dalam program ini adalah pembangunan komuniti luar bandar dan juga meningkatkan fleksibiliti sukarelawan yang mempunyai kepelbagaian dari segi latar belakang.

Selari dengan slogan PERMAPS sendiri iaitu 'Ke Arah Mahasiswa Versatil', pihak PERMAPS ingin melahirkan mahasiswa fleksibel dari segala segi dalam menghadapi cabaran pada masa yang akan datang.

Beberapa aktiviti dijalankan bagimemberikan impak yang jelas terhadap objektif PERMAPS kali ini.

Gotong-royong bersama penduduk kampung, sesi tutor bahasa Inggeris bersama kanak-kanak dan juga pembinaan kraftangan menggunakan bahan terpakai antara aktiviti yang dijalankan.


Jon Busan selaku Ketua Sidang SIB Kampung Salarom Taka diiringi oleh Ketua Kampung Salarom Taka



**RAMAH MESRA:** Dr Soon Singh al Bikar Singh beramah mesra bersama kanak-kanak di Kg Salarom Taka sebelum Majlis Perasmian dan Penutupan Program OutReach 4.0 dimulakan.



**SUKANEKA:** Salah satu aktiviti sukaneka bersama dengan keluarga angkat.



**SENAMROBIK:** Aktiviti senamrobik bersama penduduk kampung sebelum memulakan sukaneka bersama keluarga angkat masing-masing.

Tuan Mandaun Ampungit dan Dr. Soon Singh A/L Bikar Singh merasmikan program OutReach FPP UMS pada tahun 2019.

"Pihak kampung berharap agar pada tahun yang men-

datang, pihak PERMAPS sudi berkunjung lagi ke kampung ini dan membuat program dalam jangka masa yang lebih panjang agar objektif program dapat dipertingkatkan lagi impak positifnya," kata Jon



**BERGAMBAR:** Sesi bergambar Jon Busan dan Mandaun Ampungit bersama dengan rombongan PERMAPS.



**KERJASAMA:** Aktiviti gotong-royong membersihkan dan mencantikkan semula tugu Kg Salarom Taka.

Busan selaku Ketua Sidang SIB Salarom Taka sebelum merasmikan Program OutReach 4.0 di dewan Kampung Salarom Taka.

Dr. Soon Singh A/L Bikar Singh turut turun padang

bagi menjayakan program ini sebagai bukti sokongan penuh yang diberikan dalam program kemasyarakatan seperti ini. Beliau berharap agar program seperti ini dapat dilaksanakan lagi pada

masa hadapan kerana mampu memberikan inspirasi kepada mahasiswa untuk berbakti kepada masyarakat, dan juga memberikan impak yang positif kepada masyarakat setempat.

"Sekiranya pihak Kg Salarom Taka perlukan bantuan atau sumbangan anak-anak muda, pihak UMS khususnya PERMAPS sendiri dengan tidak berat hati akan menjayakan lagi kaki ke kampung ini dan berikan sumbangan semampu yang kami boleh," kata pengarah program OutReach 4.0, Christie Stephenie Sim.

Program komuniti seperti ini perlu dipertingkatkan lagi pada masa akan datang agar kanak-kanak luar bandar tidak ketinggalan dengan pembangunan pesat yang hanya berpusat kepada kawasan bandar sahaja.

Di samping dapat memberikan impak yang positif kepada penduduk kampung juga kepada sukarelawan UMS yang hadir. Seterusnya memberi semangat kepada anak-anak Salarom Taka bagi mencabar diri belajar hingga ke manara gading pada suatu hari nanti.